



**KOPERASI PESERTA
FELCRA SEBERANG PERAK BHD**

كُوْرَاسِي قَسْرَتَا فَيْلَكْرَاسِبْرَغُ قَيْرَاقَ بَرَحَدَ

**KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD** (KOOP 207 (PK))

Lot 04217, Coop Business Centre, Lebuhr Paduka, Felcra Bandar Seberang Perak, 36800 Kg Gajah, Perak

Tel : 05-655 8101 / 8102 / 8103 / 8104

Fax : 05-655 8100

Email : admin@coopseberangperak.com.my

Web : www.coopseberangperak.com.my

Bil : (71) KPPRFSPB (01-03) MAT 31

01 Syaaban 1439H

17 April 2018

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan/Puan ,

Anggota-anggota ,

Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALIKU 31, TAHUN 2018.

Berhubung dengan perkara di atas dan mematuhi Perkara 28 (1) Undang-undang Kecil Koperasi **DENGAN INI DIBERITAHU KEPADA SEMUA ANGGOTA KOPERASI** bahawa mesyuarat tersebut bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti di bawah :

Tarikh : **15hb. Mei 2018 (Selasa)**
Masa : **08.00 pagi**
Tempat : **Dewan Besar,
FELCRA Berhad Bandar Seberang Perak,
36800 Kg Gajah, Perak Darul Ridzuan.**

2. Namun begitu tuan/puan digalakkan melayari laman web koperasi di www.coopseberangperak.com.my atau laman facebook rasmi koperasi @coopseberangperak untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung dengan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi dan disarankan 3 hari sebelum mesyuarat berlangsung.

3. Perkara-perkara yang perlu diambil perhatian tuan/puan adalah sebagaimana berikut :

a) Pendaftaran Kehadiran Anggota Secara Sistem Elektronik

Koperasi akan menyediakan Kaunter Pendaftaran Secara Elektronik mengikut fasa penempatan/kategori iaitu :

- i. Felcra Bandar Seberang Perak
 - ii. Felcra Seberang Perak 1, 2 & 16
 - iii. Kategori Anak Anggota & Staf
- Sila bawa **Kad Pengenalan / Mykad.**

b) Elaun Kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 31

Elaun kehadiran mesyuarat agung akan dibayar semasa pendaftaran sebanyak RM90 seorang bagi anggota yang sah sahaja. Wakil tidak dibenarkan mendaftar bagi pihak anggota dan tidak layak menerima elaun kehadiran.

c) Proses Pengundian Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi sesi Perkhidmatan 2018/2021

Akan dijalankan pada pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Pengundian Bagi Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2018/2021 mengikut kategori berikut iaitu :

- i) Calon Anggota Lembaga FSP Bandar .
- ii) Calon Anggota Lembaga FSP 1, 2 & 16 .

Koperasi akan menyediakan Kaunter Pengundian secara Elektronik bagi semua kategori .

d) Borang Maklumat Anggota Uzur

Bagi anggota tidak dapat hadir kerana uzur yang daif seperti lumpuh, pihak Koperasi akan memberi sumbangan melalui lawatan ke rumah anggota berkenaan. Borang Maklumat Anggota Uzur disediakan di Kaunter Khas semasa pendaftaran.

e) Acara Cabutan Bertuah

Diadakan semasa mesyuarat berlangsung sebanyak 4 pusingan.

f) Buku Laporan Tahunan/Penyata Kewangan Tahunan & Agenda Mesyuarat Agung

Sila bawa bersama dokumen/laporan di atas yang telah diedarkan bersama notis ini semasa mesyuarat berlangsung. Urusetia mesyuarat tidak akan mengedarkan lagi dokumen tersebut semasa mesyuarat agung berlangsung.

g) Surat Pengiktirafan Cuti Tanpa Rekod

Anggota yang memerlukan surat Pengiktirafan Cuti Tanpa Rekod untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi boleh mengambil surat tersebut di pejabat koperasi atau muat turun di laman web rasmi koperasi iaitu www.coopseberangperak.com.my .

4. Untuk makluman tuan/puan, Mesyuarat Agung Tahunan ini akan dihadiri oleh semua anggota koperasi dan ia tertakluk di bawah Seksyen 31 dan 36 Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan peraturan-peraturan, **menyatakan tiada wakil yang boleh mendaftar dan mengundi bagi pihak anggota.**

Sekian, terima kasih.

"CEKAP, BERKUALITI DAN MENGUNTUNGAN"

Yang benar,
KPR FELCRA SEBERANG PERAK BHD.



.....
(SHAMSUDDIN BIN YUSOF, PPT)

Setiausaha Koperasi Sesi 2017/2018

- s.k
- Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Perak, Ipoh
 - Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Perak Tengah/Manjung
 - Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Khidmat Peserta Felcra Bhd, Kuala Lumpur
 - Pengurus Besar Wilayah Felcra Bhd. Negeri Perak, Ipoh
 - Yang Dipertua, Merangkap Tim. Pengurus Besar Felcra Bhd. Wilayah Seberang Perak
 - Pengerusi KPR Felcra Seberang Perak Bhd.
 - Fail